

# Utusan Sarawak Stail

w a n i t a

Rabu • 25 November 2009 • 8 Zuhijah 1430H

info

Sumber yang diperolehi dari Polis DiRaja Malaysia pada 2007 menunjukkan sebanyak 2205 kes penderaan berlaku di seluruh negara. Selangor adalah negeri yang mencatatkan jumlah kes paling tinggi, manakala negeri Sarawak berada di tempat kedua.

**DR. ZABIDAH...**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Perubatan  
dan Sains Kesihatan  
Universiti Malaysia  
Sarawak



## Dr. Zabidah perjuang hak wanita melalui tulisan, ceramah



SIJIL... Dr. Zabidah menunjukkan sijil kemenangannya hasil penyertaan dalam Anugerah Pecipta 2007.

seluruh negara.

Selangor ialah negeri yang mencatatkan jumlah kes paling tinggi, manakala Sarawak berada di tempat kedua.

Menurut Dr. Zabidah Putit, beliau menjelaskan bahawa masalah penderaan isteri oleh suami bukan masalah individu, sebaliknya merupakan masalah komuniti secara bersama.

Dr. Zabidah menekankan bahawa konsep *kuasa dan kawalan* adalah paling penting dalam menyusuri alam rumah tangga.

Sesetengah suami apabila merasakan diri mereka mempunyai kuasa dalam rumah tangga, akan cuba menguasai dan mengawal isteri dengan sepenuhnya. Perasaan ego yang amat tinggi di kalangan suami ini menjuruskan kepada aksi yang melampau apabila berlakunya pertengkaran antara suami dan isteri.

Selain itu, pada kebiasaannya kecenderungan seseorang suami untuk mendera isteri berlaku apabila mereka berada

tidak mengira siapa," kata beliau.

Terdapat di antara mereka yang terdiri daripada golongan yang berpendidikan tinggi, mengalami nasib yang sama.

Berbekalkan pengalaman serta seringkali terlibat secara langsung dalam kes keganasan rumah tangga atau dera, Dr. Zabidah mengorak langkah berani untuk menterjemahkan kisah-kisah penderaan benar yang berlaku ke dalam novel pertama yang beliau hasilkan yang bertajuk *Perempuan Di (Se) Balik Dinding Kaca*.

Novel ini menceritakan sebanyak enam kisah krisis rumah tangga yang membawa kepada kes penderaan isteri oleh suami.

Menariknya, segala cerita yang dipaparkan adalah hasil temu bual Dr. Zabidah bersama mangsa dera secara bersemuka.

Sukar untuk dipercayai, kebanyakan mangsa dera yang menceritakan pengalaman mereka menyatakan mereka didera menggunakan

### DEMI CINTA DAN KASIH, ISTERI LUPA HAK APABILA

perasaan sayang hilang dan diliputi perasaan yang amat

### DIDERA

benci.

**P**ERUMPAMAAN yang sering didengar 'siapa yang tidak sayang bini' adalah amat sinonim dalam kehidupan berumah tangga.

Sumber yang diperolehi dari Polis DiRaja Malaysia pada 2007 menunjukkan sebanyak 2205 kes penderaan berlaku di

di bawah pengaruh alkohol, tekanan di tempat kerja serta masalah beban kewangan.

Dr. Zabidah menambah, adakalanya ada juga kes yang melibatkan isteri mendera suami berlaku, namun statistik kejadian amat rendah.

Di Sarawak, kes penderaan ke atas isteri oleh suami adalah serius dan jika tidak ditangani segera, ia akan melarat seperti penyakit serius yang memerlukan yang sukar ditemui semula.

"Saya selalu mendengar rintihan mangsa dera dan ia

kayu, besi dan sebagainya, sehingga ada yang mengalami kecederaan di seluruh badan.

Sebagai penutup bual bicara, Dr. Zabidah menasihati mana-mana individu atau isteri yang berhadapan dengan masalah dera agar tampil ke hadapan untuk mendapat bantuan sama ada dari keluarga, pihak polis, hospital ataupun persatuan wanita yang berkaitan.

Perlindungan awal boleh mengelak daripada berlakunya kes yang lebih kritikal.

• BAHAGIAN PENERBITAN UNIMAS

### Petikan cerita di dalam Perempuan Di(Se)Balik Dinding Kaca

"Ketika itu, lengan saya direndamnya dengan susu panas serta pinggul saya dihentak dengan gelas besar. Bayangkan baju yang saya pakai hari itu terpercik darah bercampur dengan lelehan susu panas. Kepedihan dan kesakitan daripada luka dan hentakan dengan gelas kaca itu cukup membuat saya seperti hendak menamatkan sahaja riwayat hidup saya". — petikan tajuk *Rontaan Kalbu*.

"Aksi sepak terajang meninggalkan kesan psikologi terhadap saya dan anak-anak kami. Saya ca menghalang perbuatannya, namun dia menerajang pangkal rahim saya. Saya mengalami kesakitan di bahagian abdomen dan menorrhagia, menyebabkan darah keluar dari pangkal rahim membuak terus sehingga saya berasa pitam dan hendak pengsan". — petikan tajuk *Cemeti Kasih*.

### Biodata

### Dr Zabidah Putit

**WANITA** yang berasal dari Jalan Abang Barieng, Sibuan ini mendapat pendidikan awal di sekolah rendah dan menengah di Sibuan.

Seterusnya melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma Kejururawatan di Kolej Kejururawatan Kuching sekitar 1980-an.

Di kolej yang sama juga beliau turut mengambil sijil kebidanan. Memiliki Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Malaya dan Diploma Pengajaran dari University of Huddersfield di United Kingdom.

Pencapaian beliau seterusnya dalam pendidikan ialah memperoleh Ijazah Sarjana dari University Auckland, New Zealand dan peringkat Doktor Falsafah dari University of Bristol, United Kingdom.

Memulakan karier sebagai jururawat di Hospital Sibuan dan kemudiannya di Hospital

seterap Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).

Kini, selain bertindak sebagai Pensyarah Kanan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Malaysia Sarawak, beliau ialah penceramah bebas terutama yang berkaitan hak wanita dan sering dijemput oleh Majlis Wanita Sarawak.

Belia juga antara penceramah yang sering diundang di peringkat antarabangsa seperti di New Zealand, England dan Scotland.

Beliau ialah penulis buku *Perempuan Di (Se) Balik Dinding Kaca*, hasil penyelidikan kualitatif melibatkan enam kisah pergolakan rumah tangga pasangan suami isteri iaitu rontaan kalbu, igauan berahi, pesona mimpi, cemeti kasih, cinta utopia dan siklus histeria.

Umum Sarawak (Unit Radio Terapi).

Berpindah tugas dalam bidang yang sama ke Kolej Jururawatan Kuching dan pada 1997 dilantik sebagai Tutor di Universiti Malaysia Sarawak.

Pada 2001, beliau diangkat sebagai pen-

Buku novel ini dijual pada harga RM18 dan mereka yang berminat boleh menghubungi Bahagian Penerbitan Unimas di talian 082-581159 atau hubungi penulis sendiri di talian 082-416550 sambungan 274 atau 013-8184787.



BIJKU... Perempuan Di Balik Dinding Kaca yang dihasilkan oleh Dr. Zabidah.



KISAH BENAR... segala cerita yang dipaparkan adalah hasil temu bual Dr. Zabidah bersama mangsa dera secara bersemuka.